

**NO. SOALAN: 56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN  
NIK MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2015**

**RUJUKAN : 7609**

**SOALAN:**

**Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk membendung gejala jenayah kecurian yang meningkat di negeri Kelantan. Apakah sebab sebenar gejala ini bertambah.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak Kementerian dan PDRM sentiasa komited dalam mengendalikan kes-kes jenayah yang kejam dan merbahaya selaras dengan objektif Kerajaan untuk menurunkan kadar jenayah seluruh negara sebanyak 5% setahun di bawah inisiatif *National Key Result Area* (NKRA). Dalam mencapai objektif ini pihak PDRM khususnya Kontinjen Kelantan telah menjalankan beberapa strategi dalam usaha mencegah jenayah terutama yang melibatkan kes kecurian yang dikatakan meningkat di negeri berkenaan. Di antaranya adalah:-**

- i) Konsep *Omnipresence* iaitu *Feet On Street, Stop and Talk*, dan *High Profile Policing*. Ketiga-tiga inisiatif ini adalah melibatkan keberadaan di mana-mana anggota beruniform terdiri daripada anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan turut disertai oleh anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menjalankan tugas rondaan melalui pelbagai jenis rondaan, sama ada rondaan berkereta (*Mobile Patrol Vehicle*), rondaan bermotosikal dan rondaan berjalan kaki. Kehadiran mereka ini membuat rondaan adalah untuk memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa mereka berada dalam**

persekitaran yang selamat dan juga untuk mewujudkan perasaan "*Fear of Being Caught*" kepada penjenayah.

- ii) Menyelaras operasi secara berterusan dengan memberi tumpuan terhadap kes-kes ragut dan samun di tepi jalan (Ops Rentap), curi kenderaan (Ops Lejang), pecah rumah (Ops Pintu) dan kes-kes yang melibatkan senjata api (Ops Laras dan Ops Api). Penyelarasan operasi dan pencegahan jenayah akan diselaraskan oleh Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) yang baru ditubuhkan oleh pihak PDRM.
- iii) PDRM juga turut melaksanakan aktiviti '*Community Policing*' bertujuan untuk melibatkan masyarakat dalam aktiviti menangani jenayah bagi memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa membanteras jenayah merupakan tanggungjawab bersama. Inisiatif ini melibatkan masyarakat awam dalam program-program seperti Rakan Cop, Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela (SRS) di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).
- iv) Dalam usaha memerangi jenayah, PDRM telah mewujudkan Unit Risikan Bersepadu (*Central Intelligence Unit - CIU*) dengan menggunakan konsep "*Intelligence lead policing*" sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah yang

**dijalankan akan digunakan untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah yang lebih efektif.**

**Sebab yang boleh dikaitkan pertambahan kepada kes kecurian dan pecah rumah seperti berikut:-**

- i) Kecurian juga dikaitkan dengan faktor ekonomi, apabila keadaan ekonomi yang tidak menentu menyebabkan pengangguran, kemiskinan, hutang, peningkatan kos sara hidup dan peluang pekerjaan yang terhad menyebabkan seseorang sanggup melakukan apa saja untuk kelangsungan hidup. Selain itu, keinginan untuk hidup mewah dengan cara yang mudah tanpa bekerja keras menyebabkan mereka terjerumus ke kancah perlakuan jenayah.**
- ii) Keruntuhan moral seperti kurangnya pendidikan agama dan keruntuhan rumahtangga seperti perceraian menyebabkan anak-anak menjadi terbiar dan mudah terpengaruh dengan gejala yang negatif dan akhirnya membawa kepada kancah jenayah.**
- iii) Faktor persekitaran juga mempengaruhi aktiviti jenayah seperti mengagungkan-agungkan bahasa dan budaya asing, pengaruh media massa tanpa sempadan pada waktu ini, boleh mempengaruhi golongan muda terutamanya untuk**

**mencuba dan meniru, apa yang dilihat oleh mereka dalam internet dan sebagainya. Perkara ini pada awalnya sekadar untuk bersuka sahaja, tapi kelamaan boleh membawa mereka melakukan jenayah.**